



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

GARIS PANDUAN BAWA PERANTI ANDA SENDIRI (BRING YOUR OWN DEVICE - BYOD)

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

(Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT UKM bertarikh 21 Oktober 2024)

REKOD PINDAAN

Bil.	Tarikh Pindaan	Ringkasan	Kelulusan	Tarikh kuatkuasa
1.				
2.				

1.0	TUJUAN	1
2.0	LATAR BELAKANG	1
3.0	SKOP	1
4.0	TAFSIRAN.....	1
5.0	TANGGUNGJAWAB PENGGUNA BYOD.....	2
6.0	PEMANTAUAN DAN KAWALAN KESELAMATAN	4
7.0	PEMATUHAN	4
8.0	PEMAKAIAN.....	5
9.0	TARIKH KUAT KUASA.....	5
10.0	RUJUKAN.....	5

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini menerangkan tentang tanggungjawab pemilik peralatan ICT peribadi atau *Bring Your Own Device* (BYOD) yang digunakan untuk tugas rasmi, mengendalikan maklumat rasmi dan rahsia rasmi Universiti termasuk mencapai Sistem Maklumat Universiti atau mengguna kemudahan rangkaian Universiti.

2.0 LATAR BELAKANG

Dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti dalam pentadbiran serta memperkukuhkan aktiviti pembelajaran dan pengajaran, Universiti telah meluluskan inisiatif BYOD untuk semua pengguna, termasuk mereka yang bukan warga kampus yang berurusan di universiti. Walaupun inisiatif ini membawa banyak manfaat, keperluan untuk memastikan integriti dan kerahsiaan maklumat Universiti juga menjadi keutamaan.

Justeru, pihak Universiti perlu menetapkan dan menguatkuasakan panduan serta kawalan keselamatan yang ketat untuk memastikan semua peralatan BYOD digunakan dengan selamat dan bertanggungjawab oleh semua pengguna.

3.0 SKOP

Garis panduan ini adalah terpakai untuk semua pengguna yang menggunakan peralatan ICT milik peribadi untuk tugas rasmi, mengendalikan maklumat rasmi dan rahsia rasmi Universiti termasuk mencapai Sistem Maklumat Universiti atau mengguna kemudahan rangkaian Universiti.

Peralatan ICT milik peribadi merujuk kepada

- a) Peralatan ICT yang bukan milik UKM; atau
- b) Peralatan ICT yang diperolehi menggunakan kemudahan Elaun Komputer bagi kakitangan Akademik dan Pengurusan & Profesional (P&P) UKM. Rujuk Pekeliling Bendahari Bil. 11/2022 Garis Panduan Pengurusan Kemudahan Elaun Komputer Kakitangan Akademik Dan Pengurusan & Profesional.

4.0 TAFSIRAN

4.1 Tafsiran

Bagi tujuan pemakaian Garis Panduan ini:

Perkara	Tafsiran
Bawa Peranti Anda Sendiri (Bring Your Own Device - BYOD)	Ertinya satu ketetapan yang membolehkan pengguna membawa peralatan ICT milik peribadi termasuk komputer riba, telefon pintar atau tablet dan lain-lain ke dalam kampus bagi tujuan melaksanakan tugas rasmi termasuk

	mencapai Sistem Maklumat Universiti, mengendalikan maklumat rasmi dan rahsia rasmi Universiti atau menggunakan rangkaian Universiti.
Malware	Ertinya perisian yang direka bentuk dan dirancang untuk menyebabkan kerosakan, mencuri maklumat, mengganggu atau mengambil alih sistem komputer tanpa kebenaran atau pengetahuan pemilik komputer termasuk <i>Ransomware</i> , <i>Spyware</i> , <i>Trojan</i> .
Rahsia Rasmi	Ertinya apa-apa surat atau maklumat atau bahan yang mengandungi maklumat rasmi yang mesti diberi perlindungan untuk kepentingan keselamatan dan bertanda dengan sesuatu peringkat keselamatan. Maklumat dalam dokumen rahsia rasmi mesti diberi perlindungan keselamatan berdasarkan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan Arahan Keselamatan berkaitan.
Universiti	Ertinya Universiti Kebangsaan Malaysia

5.0 TANGGUNGJAWAB PENGGUNA BYOD

Semua pengguna peralatan BYOD di UKM bertanggungjawab mematuhi perkara berikut:

5.1 Kawalan Kata laluan

- Semua peralatan BYOD mestilah dilindungi dengan kawalan keselamatan antaranya adalah kata laluan atau kod pin atau lain-lain.
- Kata laluan yang digunakan untuk mencapai sistem dan maklumat Universiti hendaklah mematuhi Garis Panduan Pengurusan Kata Laluan UKM dan kata laluan berkenaan perlu dilindungi.

5.2 Perisian

- Peralatan BYOD hendaklah menggunakan perisian yang sah dan selamat sahaja. Perisian yang sah dan selamat merujuk kepada perisian yang diperoleh dan digunakan secara sah, serta mempunyai perlindungan yang memadai daripada serangan dan ancaman keselamatan.
- Perisian berlesen Universiti tidak boleh dipasang atau dimuat turun ke peralatan BYOD kecuali dengan kebenaran pihak Universiti.

- c) Pihak Universiti berhak menghalang peralatan BYOD yang telah diubah konfigurasi antaranya adalah *jailbreaking/rooted* atau lain-lain daripada mencapai sistem, maklumat atau rangkaian Universiti.

5.3 Capaian Rangkaian

- a) Capaian ke rangkaian Universiti mestilah mematuhi Garis Panduan Penggunaan Rangkaian UKM yang ditetapkan.
- b) Pihak Universiti berhak untuk menghalang capaian ke rangkaian Universiti jika peralatan BYOD tersebut tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan.
- c) Bilangan peralatan yang dibenarkan untuk mencapai rangkaian Universiti bagi setiap pengguna adalah terhad kepada tiga (3) unit peralatan.

5.4 Keselamatan Data

- a) Semua rahsia rasmi Universiti adalah hakmilik Universiti.
- b) Pengendalian rahsia rasmi Universiti menggunakan peralatan BYOD perlulah mematuhi Garis Panduan Pengurusan Rahsia Rasmi Universiti/ Arahan Keselamatan/ peraturan yang berkuatkuasa.
- c) Maklumat rasmi Universiti dan maklumat peribadi perlu diasingkan melalui pengurusan akaun pengguna atau *folder* atau *partition hard disk* yang berbeza dalam peralatan BYOD.
- d) Semua rahsia rasmi Universiti perlu dihapus daripada peralatan BYOD sekiranya:
 - i. telah selesai atau tidak lagi menggunakannya;
 - ii. mendapat arahan daripada pihak Universiti;
 - iii. kakitangan meletak jawatan atau ditamatkan perkhidmatan;
 - iv. kakitangan bersara;
 - v. bertukar jabatan atau bidang tugas dan tidak lagi diberi capaian kepada maklumat tersebut;
 - vi. peralatan akan dipindah milik; atau
 - vii. peralatan diserahkan kepada pihak ketiga untuk dibaikpulih /diselenggara.

5.5 Perlindungan daripada *malware*

- a) Peralatan BYOD yang digunakan mestilah mempunyai perlindungan daripada *malware* seperti memasang perisian antivirus.

- b) Pemilik peralatan BYOD perlu memastikan semua perisian yang dipasang pada peralatan BYOD adalah yang sah dan sentiasa dikemaskini termasuk pengemaskinian keselamatan atau *security updates* bagi menghalang ancaman atau serangan *malware*.

5.6 Perlindungan fizikal

- a) Peralatan BYOD perlu dipelihara dan disimpan dengan baik dan selamat.
- b) Peralatan BYOD yang hilang atau dicuri hendaklah dilaporkan segera kepada pihak Universiti untuk tindakan lanjut.

6.0 PEMANTAUAN DAN KAWALAN KESELAMATAN

6.1 Pihak Universiti bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan BYOD adalah terkawal dan selamat. Pihak Universiti berhak:

- a) memantau peralatan BYOD yang digunakan dalam rangkaian UKM dan merekod log trafik capaian ke mana-mana peralatan dan sistem dalam UKM atau keluar masuk internet.
- b) menghalang peralatan BYOD untuk mencapai mana-mana sistem atau kemudahan rangkaian seperti WiFi jika peralatan tersebut didapati memberi ancaman keselamatan atau telah dikompromi atau diceroboh oleh penggodam.

6.2 Pemilik peralatan BYOD bagi tujuan tugas rasmi hendaklah membenarkan pihak Universiti memasang perisian keselamatan dan menetapkan kawalan tertentu pada peralatan BYOD dengan tujuan untuk memastikan maklumat Universiti yang dimuat turun dan dikendalikan sentiasa terpelihara.

7.0 PEMATUHAN

- a) Pengguna adalah tertakluk kepada semua dasar, peraturan, pekeliling, prosedur dan garis panduan keselamatan maklumat universiti lain yang diterima pakai dari masa ke semasa.
- b) Tindakan awal boleh diambil oleh Universiti melalui PTj Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat bagi menghalang atau menggantung kemudahan dan perkhidmatan ICT kepada pengguna sekiranya berlaku sebarang pelanggaran terhadap ketetapan di bawah Garis Panduan ini.
- c) Sebarang pelanggaran terhadap garis panduan ini, pengguna boleh dikenakan tindakan di bawah undang-undang berikut:
 - i. jika pelajar, di bawah Kaedah-Kaedah UKM (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 [P.U.(A)209/1999];

- ii. jika staf, di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605);
- iii. jika pengguna luar UKM, di bawah mana-mana undang-undang Malaysia yang berkaitan.

8.0 PEMAKAIAN

- a) Garis Panduan ini adalah terpakai kepada semua pengguna perkhidmatan dan kemudahan ICT UKM.
- b) Dasar ini hendaklah dibaca bersama dengan Akta Rahsia Rasmi 1972, Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) UKM, Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) UKM dan Garis Panduan Penggunaan Rangkaian UKM.

9.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 21 Oktober 2024.

10.0 RUJUKAN

- a) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]
- b) Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Universiti Kebangsaan Malaysia Tahun 2022
- c) Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Universiti Kebangsaan Malaysia Tahun 2016
- d) Garis Panduan Penggunaan Rangkaian UKM (tarikh kuatkuasa: 1 Jun 2019)
- e) Pekeliling Bendahari Bil. 11/2022 Garis Panduan Pengurusan Kemudahan Elaun Komputer Kakitangan Akademik Dan Pengurusan & Profesional

Disediakan oleh:

Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) UKM dan
Perunding Keselamatan ICT
Pusat Teknologi Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia